

## TAHAP KEUPAYAAN GURU DALAM MERANCANG STRATEGI KECEMERLANGAN AKADEMIK MENGUNAKAN PROGRAM CAKNA GEMILANG

MOHD NASRI BIN MAT AKHIR, MOHD AFIFZAN BIN ABAS, HASLINA BINTI  
HAMZAH & WAN MAISARAH BINTI WAN AHMAD  
Sekolah Menengah Kebangsaan Cenderawasih, Kuantan

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan di SMK Cenderawasih, Kuantan, Pahang. Sekolah ini merupakan sekolah Kategori B yang mempunyai bilangan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang melebihi 200 orang setiap tahun dengan pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) SPM yang tidak pernah mencapai kurang daripada 5.00 sejak sekolah beroperasi. Kajian ini adalah untuk meningkatkan tahap penguasaan para guru dalam memahami kepentingan “headcount” dan menganalisis data untuk merangka program kecemerlangan berdasarkan potensi murid khususnya calon SPM. Jika semua guru berupaya menganalisis data dan merancang program bersesuaian dengan keupayaan murid, adakah peningkatan pencapaian GPS akan berlaku? Kajian tindakan ini menggunakan pendekatan proses menganalisis data-data di dalam analisis peperiksaan, HC1 dan HC3 dalam Program Cakna Gemilang, respon soal selidik kepada barisan Guru Penolong Kanan (GPK), kaunselor, Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) dan guru-guru tingkatan 4 dan 5 yang terlibat serta hasil pencerapan pdpc guru menggunakan borang Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2) oleh GKMP dan Ketua Panitia. Kajian ini dilakukan bermula pertengahan bulan Jun 2022 iaitu selepas tamatnya Ujian 1 2022. Tempoh kajian dijalankan sehingga Oktober 2022 iaitu dengan melakukan pemerhatian hasil kajian berdasarkan keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022. Hasil kajian mendapati pencapaian keputusan Tingkatan 5 dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun bagi beberapa subjek yang menunjukkan peningkatan peratus lulus murid dan GPS yang baik.

**Kata Kunci:** Keupayaan, Guru, Kecemerlangan, Akademik

### PENGENALAN

Penyelidik selaku Kumpulan Penyelidik sering kali mendengar rungutan daripada sebilangan guru yang tidak berpuas hati dengan markah ETR bagi setiap murid yang ditetapkan. Menurut pandangan mereka, markah / gred yang ditetapkan terlalu tinggi dan tidak mungkin dicapai. Ekoran daripada itu, ada sebahagian daripada mereka mengubah ETR murid tertentu berdasarkan persepsi mereka sendiri. Hal ini akan menyebabkan nilai ETR GPS panitia tidak akan tercapai sebagaimana yang dihasratkan oleh pentadbir sekolah dan panitia, serta seterusnya memberi kesan kepada GPS keseluruhan sekolah.

Berdasarkan pemerhatian awal penyelidik, sebahagian guru hanya mengisi nilai ETR murid berdasarkan markah yang diagihkan oleh Ketua Panitia tanpa mengetahui sebab dan implikasi. Mereka juga tidak menguasai penetapan markah di dalam HC1 dan HC2. Hal ini mungkin berpunca daripada kurang penguasaan di dalam teknologi maklumat seperti aplikasi Microsoft Excell. Perkara ini menjadi faktor kepada hakikat bahawa sebahagian guru tidak boleh “membaca” dan menganalisis data serta tidak menguasai program *headcount* yang menjadi tunjang pelaksanaan intervensi bagi melonjakkan pencapaian murid menggunakan strategi yang berfokus. Justeru, menjadi sebahagian daripada hasrat penyelidik dalam menjalankan kajian tindakan ini adalah membantu guru-guru menguasai kemahiran asas dalam teknologi maklumat agar dapat meningkatkan keupayaan guru menginterpretasikan data dalam perancangan peningkatan akademik murid. Hal ini juga bagi menyahut dasar kerajaan dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 dalam dunia pendidikan, memetik kata Shuhaida et al (2022); “*Kerajaan telah merangka pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital Negara sebagai langkah pantas dalam menyediakan generasi fasih digital yang mampu seiring dengan keperluan global*”.

Mengikut *Oxford Advanced Learner Dictionary* (2000), Program Headcount bermaksud “*an inventory of people in a group taken by counting individuals.*” Selain itu, Program Headcount juga bermaksud “*The act of counting people in a particular group.*” Maka dengan penguasaan yang tinggi terhadap Program Headcount, para guru akan berupaya untuk menganalisis markah murid dan seterusnya mampu merancang intervensi dan program kecemerlangan kepada murid-murid secara lebih berstrategik. Aspek ini ditekankan oleh Levin dan Lockheed (1991) dalam sintesisnya mengenai *Effective Schools in Developing and Underdeveloped Countries* mengatakan faktor terpenting yang memberi input positif kepada pencapaian pelajar di negara maju ialah ‘proses pembelajaran’ di bilik darjah. Oleh itu, perancangan pengajaran di dalam kelas yang berfokus dan terancang secara langsung akan membantu meningkatkan kecemerlangan murid.

Program Cakna Gemilang yang menjadi aspirasi pengetua untuk meningkatkan kecemerlangan pencapaian akademik sekolah juga belum dikuasai oleh sebahagian guru. Program ini merupakan inisiatif pengetua berpaksikan program *headcount* yang berperanan sebagai “*dashboard*” utama dalam pengisian data HC1, HC3 dan program intervensi bagi semua kelas. Program ini memerlukan para guru untuk mengisi data secara atas talian melalui pelantar *mylink/cessku*. Namun didapati guru-guru hanya mengisi markah dan intervensi di dalam Cakna Gemilang setiap kali selepas ujian/ peperiksaan tanpa menganalisis data subjek masing-masing bagi mengenal potensi murid. Mereka juga tidak mampu membuat unjuran markah bagi meningkatkan pencapaian murid bagi penilaian akan datang. Analisis Item juga tidak menjadi budaya untuk membuat refleksi masalah murid. Hal ini menyumbang kepada pelaksanaan program panitia yang tidak berfokus dan efektif.

Penyelidik telah memulakan kajian selepas Ujian 1, dengan membuat pemerhatian terhadap aktiviti pdpc guru yang telah dilaksanakan sepanjang bulan April hingga Jun 2022. Penyelidik

juga melaksanakan pemantauan kekerapan pengisian data di dalam Cakna Gemilang serta membuat soal selidik kepada kumpulan guru yang disasarkan. Berdasarkan keputusan Ujian 1 tahun 2022, penyelidik dapati perlu dilaksanakan bimbingan berterusan khususnya kepada guru-guru tingkatan 5 untuk meningkatkan pencapaian akademik sekolah.

**Jadual 1:** Pencapaian pelajar pada tahun 2022

	TOV 2022		UJIAN 1 2022		ETR 2022	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%
<b>Lulus</b>	79	35.75	56	25.57	190	85.59
<b>Gagal</b>	145	64.25	168	74.43	32	14.41
<b>GPS</b>	6.75		6.62		4.94	

Melalui Kajian Tindakan ini, penyelidik amat berharap agar dapat membimbing para guru kembali kepada landasan yang betul untuk melaksanakan program kecemerlangan yang lebih berfokus berdasarkan analisis data yang tepat.

Kajian yang dijalankan ini adalah memfokuskan memberi pendedahan kepada para guru untuk menyusun strategi kecemerlangan akademik dengan kemahiran menganalisis data daripada dokumen-dokumen “headcount” dalam Program Cakna Gemilang. Kajian ini amat penting khususnya untuk kumpulan guru yang mengajar menengah atas agar dapat merancang program yang bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan murid berasaskan diagnosis yang tepat. Penguasaan terhadap analisis data di dalam dokumen “headcount” adalah kemahiran yang perlu ada pada setiap guru sama ada pihak pentadbir, guru kanan mata pelajaran, kaunselor, ketua panitia dan guru subjek supaya setiap perancangan yang dirangka tidak sekadar di atas kertas sahaja tanpa matlamat yang jelas.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan guru dalam merancang strategi kecemerlangan akademik murid secara berfokus ke arah mencapai sasaran GPS sekolah iaitu 4.94. Objektif utama kajian yang di jalankan ini adalah untuk:

- i. Membantu guru memahami dan menguasai penetapan markah TOV (*take off value*), ETR(*estimated target result*) dan OTI (*operational target increment*) bagi setiap murid.
- ii. Guru dapat merancang strategi kecemerlangan / program yang bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan murid berasaskan unjuran markah peningkatan setiap murid.
- iii. Guru boleh melaksanakan aktiviti pdpc berkesan berdasarkan kelompok murid dan pembelajaran terbeza di dalam kelas.

## METODOLOGI

Kumpulan sasaran terdiri daripada 53 orang daripada barisan Guru Penolong Kanan, Guru Kanan Mata Pelajaran, Kaunselor, Ketua Panitia dan guru subjek tingkatan 4 dan 5. Kumpulan ini adalah gelung pertama untuk kajian kali ini kerana mereka merupakan tunjang utama unit kurikulum sekolah dalam meningkatkan prestasi murid. Gelung kajian berikutnya akan mensasarkan guru-guru menengah rendah.

Sebelum langkah seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti dibuat dengan tujuan untuk memahami masalah ini dengan lebih mendalam. Tinjauan dilakukan dengan mengutip data melalui kaedah soal selidik, pemerhatian aktiviti pdpc guru dan pemantauan pengisian data di dalam Cakna Gemilang. Kaedah pengutipan data adalah seperti Jadual 2.

**Jadual 2:** Kaedah pengutipan data

Langkah/ Tarikh	Cara Penilaian	Kumpulan Sasaran	Tujuan
Langkah 1 20 - 24 Jun 2022	Soal Selidik	53 orang guru	Mendapat kepastian masalah yang dihadapi oleh responden
Langkah 2 26 - 30 Jun 2022	Pemerhatian aktiviti pdpc guru	10 orang guru tingkatan 4 dan 5 (pilihan secara rawak)	Memantau pelaksanaan aktiviti pdpc guru
Langkah 3 1 Julai – 8 Julai 2022	Pemantauan pengisian data di dalam Cakna Gemilang	48 orang guru	Mengenal pasti pengisian data yang lengkap dan kesesuaian intervensi yang dirancang

Kumpulan penyelidik telah melaksanakan 3 aktiviti bengkel kepada kumpulan sasaran bagi mengukuhkan tahap penguasaan para guru dalam memahami kepentingan “headcount” dan menganalisis data untuk merangka program kecemerlangan berdasarkan potensi murid

khususnya calon SPM. Tindakan yang dilaksanakan adalah berdasarkan Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988) iaitu mengandungi aspek merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi. Rajah 1.0 di bawah adalah model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart.



Model Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart

**Rajah 1.0:** Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart

**Perancangan tindakan yang disediakan oleh penyelidik adalah seperti berikut:**

Aktiviti 1: Klinik “Sekiranya Aku Seorang Ketua Panitia”

- a. Bengkel ini melibatkan 17 orang guru yang masih belum menguasai kaedah penetapan markah ETR dan rasional markah itu ditetapkan.
- b. Peserta diberi penerangan tentang konsep headcount dan kepentingan program tersebut.
- c. Para peserta dibekalkan dengan analisis markah Peperiksaan Akhir Tahun (PAT) 2021 pelajar tingkatan 4 bagi subjek masing-masing. Mereka juga didedahkan dengan ETR GPS (Gred Purata Sekolah) dan ETR GPMP (Gred Purata Mata Pelajaran) bagi pencapaian 5 tahun terakhir.
- d. Fasilitator (dari kalangan Ketua Panitia) membimbing peserta untuk melengkapkan borang HC1 di dalam aplikasi Microsoft Excell dan Google Sheet dengan:
  - i menentukan pencapaian tahun terbaik mata pelajaran dalam peperiksaan awam sebagai asas penentuan ETR.
  - ii menentukan TOV berdasarkan keputusan PAT tahun sebelumnya.
  - iii menentukan ETR dengan merujuk kepada peningkatan Gred Purata, peratus bilangan murid lulus dan peningkatan peratus bilangan murid bagi setiap gred
  - iv mendapatkan perbezaan peratus, bilangan calon dan gred purata (TOV- ETR)
  - v menghitung OTI berdasarkan bilangan peperiksaan yang ditetapkan oleh sekolah. (OTI 1, OTI 2, OTI 3)
- e. Selesai pengisian Borang HC1, peserta diberi pendedahan untuk melengkapkan Borang HC 2. Peserta diminta menyusun senarai murid mengikut kedudukan pencapaian TOV.

- f. Seterusnya, menentukan ETR setiap murid dengan merujuk kepada ETR yang ditetapkan dalam Borang HC 1.
- g. Para peserta diminta mengisi borang maklum balas bengkel di akhir sesi bagi mendapatkan respons terhadap tahap penguasaan peserta.

#### Aktiviti 2: Ladap Cakna Gemilang

- a. Ladap ini melibatkan 48 orang guru subjek tingkatan 4 dan 5 bagi memberi pendedahan kepada proses menganalisis data daripada borang headcount yang telah dimurnikan di dalam Program Cakna Gemilang.
- b. Fasilitator membimbing para guru untuk:
  - i mengenal pasti agihan gred ETR setiap murid di dalam kelas bagi subjek masing-masing. Guru perlu mengenal pasti murid mengikut 5 kelompok (Perkasa – sasaran A, Benar – sasaran B, Kacak - sasaran C, Lembut – Sasaran D dan Palu- Sasaran Lulus).
  - ii membuat unjuran peningkatan gred bayangan bagi setiap murid untuk peperiksaan seterusnya berdasarkan markah TOV dan Ujian.
  - iii guru diberi penekanan untuk memastikan setiap murid disasarkan bagi mencapai keputusan yang lebih baik berbanding ujian sebelumnya.
  - iv mengenal pasti punca masalah murid di kelas masing-masing menggunakan Tulang Ishikawa dan merancang intervensi yang sesuai mengikut kelompok potensi murid menggunakan PDCA.

#### Aktiviti 3: PLC- Bengkel PASAK-D

- a. PASAK-D merupakan akronim kepada Pasak (PA) Strategi (SA), Kecemerlangan (K) Dicapai (D).
- b. Bengkel ini lebih memfokuskan kumpulan kecil, iaitu dilaksanakan dalam setiap panitia untuk merancang strategi berkesan dan mengikut kelompok pencapaian murid.
- c. Ketua Panitia perlu merancang program peningkatan kecemerlangan mengikut kelompok murid selepas menganalisis data mengikut kelas di dalam Cakna Gemilang.
- d. Setiap guru di dalam panitia dibimbing untuk melaksanakan aktiviti pdpc berpandukan program yang telah dirangka. Guru diingatkan untuk melaksanakan pembelajaran terbeza.
- e. Guru juga dibimbing untuk mengenal pasti potensi murid di dalam kelas masing-masing berdasarkan unjuran GPMP dan GPS Kelas yang telah dijana kiraannya di dalam Cakna Gemilang. Berdasarkan data tersebut, guru-guru akan lebih mudah untuk merancang aktiviti pdpc yang bersesuaian dengan keupayaan murid.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian pada Jadual 3 menunjukkan beberapa masalah telah dikenal pasti berdasarkan analisis tinjauan masalah.


**Jadual 3:** Hasil Analisis Tinjauan Masalah

Langkah/ Tarikh	Cara Penilaian	Kumpulan Sasaran	Masalah Yang Di kenal pasti
Langkah 1 20 - 24 Jun 2022	Soal Selidik	53 orang guru	53 orang responden telah menjawab soalan soal selidik.
Langkah 2 26 - 30 Jun 2022	Pemerhatian aktiviti pdpc guru	10 orang guru tingkatan 4 dan 5 (pilihan secara rawak)	1) Sebahagian besar guru tidak membuat perancangan mengikut keupayaan murid, tiada amalan pembelajaran terbeza 2) Bimbingan guru di dalam kelas lebih memfokuskan pelajar yang lemah. Pelajar yang cemerlang tidak dilatih untuk membimbing rakan mereka.
Langkah 3 1 – 8 Julai 2022	Pemantauan pengisian data di dalam Cakna Gemilang	48 orang guru	Pengisian data di dalam Cakna Gemilang berbentuk “bermusim”. Guru mengisi data dan merujuk CG hanya setiap kali selepas ujian / peperiksaan

Hasil daripada tinjauan ini mendapati bahawa tiga aktiviti perlu dirancang dan dilaksanakan. Hasil penilaian pemerhatian yang dilakukan sepanjang aktiviti dijalankan adalah selepas aktiviti 1 dijalankan, 15 orang guru yang menjalani klinik ini memberi fokus dan kerjasama yang baik. Di akhir sesi, mereka boleh menyiapkan Borang HC 1 dan HC 2 dengan lengkap. Majoriti daripada mereka menyatakan telah faham kaedah penetapan markah ETR dan rasional markah itu ditetapkan. Respons yang diterima juga mengakui matlamat klinik ini tercapai kerana mereka telah memahami dengan jelas terma dan pengiraan TOV, ETR dan OTI. Seterusnya hasil pemerhatian selepas aktiviti 2 mendapati selepas pelaksanaan ladap ini,

pemantauan pengisian data dan intervensi di dalam Program Cakna Gemilang, mendapati semua guru tingkatan 4 dan 5 telah mengisi data yang diperlukan dengan lengkap. Para guru mampu membuat unjuran peningkatan grad murid berdasarkan analisis markah ujian 1. Intervensi untuk kelompok murid juga dirancang dengan jelas dan berfokus. Dalam melaksanakan usaha ini, kumpulan MLT sekolah sangat berperanan penting memastikan anak buah mereka faham setiap tindakan yang dilakukan. Hasil pemerhatian aktiviti ketiga adalah Aktiviti perkongsian ilmu di dalam kelompok kecil seperti ini telah memberi pendedahan yang lebih jelas kepada para guru untuk merancang dan melaksanakan program intervensi yang lebih bersasar dan berfokus kepada murid- murid khususnya calon SPM. Melalui Program Cakna Gemilang, panitia telah merancang intervensi berfokus yang jelas. Hasil perancangan yang tersusun dan berstrategi telah dapat dilihat daripada peningkatan peratus lulus dan GPS di dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022 bagi beberapa subjek.

Seterusnya, berdasarkan hasil kajian yang melihat kepada peratusan penggunaan program Cakna Gemilang dalam kalangan guru pada Rajah 1.0, didapati 51% daripada responden tidak memanfaatkan program yang dirancang dalam Cakna Gemilang untuk merangka aktiviti pdpc mengikut kesesuaian dan potensi murid. 69% daripada mereka juga beranggapan program Cakna Gemilang tidak mampu membantu meningkatkan prestasi murid. Hasil dapatan ini amat selaras dengan analisis pemantauan pencerapan pdpc guru iaitu sebahagian besar guru tidak membuat perancangan mengikut keupayaan murid (tiada amalan pembelajaran terbeza).




**Rajah 1.0:** Peratusan guru yang menggunakan Program Cakna Gemilang

Seterusnya, dapatan kajian pada Rajah 2.0 menunjukkan seramai 17 orang kurang kefahaman tentang pengisian Head Count iaitu HC 1, HC 2 dan HC5. Manakala, 15 orang responden tidak memahami cara penetapan ETR mata pelajaran. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah 15 orang daripada mereka masih tidak menguasai tentang agihan markah ETR murid di dalam kelas




mereka. Hal demikian menyebabkan strategi/ intervensi yang dirancang setiap kali selesai peperiksaan tidak tercapai kerana tiada perancangan yang berfokus.



**Rajah 2.0:** Penguasaan guru terhadap penggunaan Head Count

Berdasarkan kajian ini, penyelidik telah membuat perbandingan pencapaian beberapa subjek sehingga Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022. Perbandingan pencapaian keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun dengan Ujian 1 menunjukkan berlaku peningkatan dari aspek peratus lulus dan GPMP. Walaupun peningkatan tidak begitu ketara dan hanya melibatkan beberapa subjek, tetap memberikan impak positif kepada hasil kajian ini. Hal ini membuktikan bahawa penguasaan guru membuat perancangan strategi yang berfokus dan menganalisis data dengan betul akan meningkatkan pencapaian murid.

		 <b>MATEMATIK PERBANDINGAN PERATUS LULUS DAN GPMP</b> [KETUA PANITIA: PN SH NORHASSANIAH BT SY ABD RAHIM]					
TAHUN		2022	2021	2020	2019	2018	2017
GPMP	TOV	8.31	6.28	7.77	7.61	7.82	7.43
	UJI 1	7.19	7.04	6.95	6.62	7.16	7.39
	PPT	7.49	6.78	7.30	7.74	7.07	6.97
	PPC		7.70	6.75	7.30	7.27	7.27
	ETR	5.82	5.74	5.51	5.62	5.77	5.74
	SPM	?	6.03	5.83	5.92	5.8	5.95
PERATUS LULUS	TOV	21.8	64.56	24.26	34.02	32.16	35.68
	UJI 1	36.8	35.26	42.3	56.20	43.27	31.10
	PPT	38.22	49.54	33.17	35.79	41.55	41.87
	PPC		34.50	45.25	42.78	34.85	34.85
	ETR	74.32	75.12	76.39	73.18	71.77	75.00
	SPM	?	70.87	73.87	74.88	70.00	69.09

 <b>BAHASA CINA PERBANDINGAN PERATUS LULUS DAN GPMP</b> <b>[KETUA PANITIA: PN NG AI BOEY]</b>							
TAHUN		2022	2021	2020	2019	2018	2017
GPMP	TOV	7.57	6.66	5.90	5.58	5.81	5.19
	UJI 1	7.57	6.62	5.68	6.23	4.98	5.79
	PPT	6.68	5.82	4.9	5.94	4.78	5.14
	PPC		6.10	3.77	5.88	5.44	4.88
	ETR	5.37	5.17	5.17	4.66	5.15	5.50
	SPM	?	5.48	5.46	5.56	5.04	5.19
PERATUS LULUS	TOV	46.7	58.62	76.92	78.95	79.98	72.09
	UJI 1	32.4	64.15	73.7	66.67	82.93	61.90
	PPT	56.76	57.89	84.31	65.63	80.48	71.43
	PPC		74.51	86.54	68.75	80.48	80.49
	ETR	89.80	89.66	93.22	94.29	100	100
	SPM	?	90.74	82.14	88.24	89.36	90.48

## PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan pencapaian objektif khusus kajian untuk membantu guru merancang strategi kecemerlangan/program yang bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan murid berasaskan diagnosis yang tepat telah tercapai. Daripada analisis maklum balas selepas klinik dan ladap, pasukan penyelidik berpuas hati kerana berjaya membimbing para peserta kajian untuk menguasai headcount dan menganalisis data murid masing-masing. Apabila guru telah memahami konsep unjuran markah bayangan atau OTI, para guru akan lebih mudah merancang strategi peningkatan mengikut keupayaan murid. Dalam mencapai peningkatan GPMP, setiap guru harus berupaya bertindak secara berstrategik. Melalui Kajian Tindakan ini, penyelidik mendapati para peserta kajian yang terdiri daripada kalangan guru menengah atas telah mampu merancang program yang berorientasikan potensi murid. Melalui pemerhatian penyelidik, terdapat panitia yang telah melaksanakan bengkel dan kelas intensif mengikut kelompok murid bagi meningkatkan pencapaian murid. Ini membawa maksud, para guru telah mampu menganalisis data dan memahami konsep perancangan berfokus.

Melalui kajian ini juga, penyelidik mendapati Cakna Gemilang yang bertindak sebagai dashboard rujukan utama guru dilihat amat membantu para guru untuk mengenal pasti murid mengikut kelompok potensi dan seterusnya melaksanakan intervensi yang bersesuaian. Program ini juga boleh diakses oleh semua pihak bagi tujuan pemantauan hasil perancangan setiap guru dan panitia. Setiap kelemahan dan kekuatan dalam perancangan kurikulum setiap panitia boleh dipantau melalui program Cakna Gemilang ini. Impaknya, pihak pentadbir dan Guru Kanan Mata Pelajaran boleh segera membimbing panitia subjek yang dilihat belum mencapai sasaran. Keberkesanan hasil kajian ini, jelas dapat dilihat dalam analisis keputusan SPM 2022. Berikut adalah analisis perbandingan keputusan bagi tempoh 5 tahun. Peningkatan dari segi peratus layak sijil (LS) dan kualiti GPS berlaku pada setiap tahun.

## PERBANDINGAN SPM 2018 - 2022

TAHUN	CALON	LAYAK SIJIL (LS)		GPS
		BIL	PERATUS	
<b>2018</b>	<b>249</b>	<b>191</b>	<b>78.93</b>	<b>5.39</b>
<b>2019</b>	<b>216</b>	<b>170</b>	<b>78.7</b>	<b>5.31</b>
<b>2020</b>	<b>236</b>	<b>184</b>	<b>80.0</b>	<b>5.37</b>
<b>2021</b>	<b>218</b>	<b>173</b>	<b>82.38</b>	<b>5.10</b>
<b>2022</b>	<b>222</b>	<b>169</b>	<b>83.17</b>	<b>5.00</b>
<b>Beza 2022 / 2021</b>			<b>0.79</b>	<b>0.1</b>

Peningkatan jumlah pelajar mencapai A dalam setiap mata pelajaran dalam SPM 2022 juga semakin meningkat berbanding SPM 2021

## KECEMERLANGAN SPM 2016-2022

BILANGAN A	12A	11A	10A	9A	8A	7A	6A	5A	JUM
<b>BIL CALON (2022)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>6</b>	<b>8</b>	<b>12</b>	<b>36</b>
<b>BIL CALON (2021)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>13</b>	<b>32</b>
<b>BIL CALON (2020)</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>11</b>	<b>37</b>
<b>BIL CALON (2019)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>9</b>	<b>13</b>	<b>26</b>
<b>BIL CALON (2018)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>30</b>
<b>BIL CALON (2017)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>8</b>	<b>21</b>
<b>BIL CALON (2016)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>17</b>

Rentetan dari kejayaan ini, perkongsian amalan terbaik Cakna Gemilang dilaksanakan bersama-sama beberapa buah sekolah di sekitar Kuantan, antaranya SMK Pandan, SMK Mat

Kilau , SMK Seri Panching, SMK Tanjung Lumpur dan Methodist Secondary Girls School serta dalam Persidangan Pengetua-pengetua Negeri Terengganu 2022.

## KESIMPULAN

Penyelidik akan mengekalkan kaedah bimbingan terhadap guru melalui klinik dan ladap menggunakan platform Cakna Gemilang bagi gelungan kedua. Sasaran kami seterusnya adalah guru-guru tingkatan 3 dan akhirnya semua guru. Ini kerana semua pihak sama ada pentadbir, GKMP, Ketua Panitia, Kaunselor dan khususnya para guru harus menguasai strategi kecemerlangan akademik untuk meningkatkan pencapaian kurikulum sekolah.

## RUJUKAN

- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2008), Buku manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kalai Selvan Arumugham,(2019) Kajian Tindakan: Ke arah Amalan PdPc Berkesan, SMK Tunku Seri Indera Putera.
- Team E-didik Malaysia (2019), E-Prosiding Penulisan Ilmiah dan Inovasi PAK21 Pendidik Malaysia.